



DR. MAHATHIR

Bahaya asyik berfoya —Dr. M

Bahan asal dari Arkib
Negara Malaysia

KUALA LUMPUR, Ahad — Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad memberi amaran bahawa umat Islam akan terus dipermainkan dan ditindas selagi mereka asyik berfoya-foya dan menyalahkan orang lain atas kelemahan sendiri.

Dalam satu perutusan melalui RTM sempena awal Muharam malam ini, Perdana Menteri menegaskan, selagi umat Islam tidak sanggup bertindak secara positif, selama itulah kita akan dipermainkan orang dan ditindas.

Sambil menggesa umat Islam mengingati peristiwa hijrah, beliau berkata, umat Islam hendaklah menjadikan awal Muharam sebagai satu hari untuk memperbaharui azam dan tekad sebagai orang Islam yang patuh kepada kebesaran agama Allah.

Katanya, awal Muharam bukan untuk berehat dari kerja atau bercuti atau perayaan, tetapi adalah untuk kita memperkukuhkan keupayaan kita dalam semua bidang.

Perdana Menteri menegaskan bahawa Malaysia akan terus menghormati hak bukan Islam di negara ini meskipun negara ini memberi tempat kepada Muslim.

Katanya, mungkin ada pihak yang berpendapat, negara ini orang Islam berkuasa maka keadilan Islam dan timbangrasa Islam tidak perlu dipanjangkan kepada orang bukan Islam.

"Pada mereka yang berpendapat seperti itu, perlu diingatkan bahawa Islam berkembang di Mekah dan di Madinah di zaman Nabi kerana keadilan dan timbangrasa Islam.

Kaya-raya

"Kerana ini jugalah Islam dihormati dan disegani, dan sempena awal Muharam ini kita perlu ingatkan diri kita, bahawa keangkuhan kuasa tidak ada tempat dalam pemerintahan yang berlandaskan Islam.

"Sementara hak orang Islam kita pelihara, hak orang lain kita jamin mengikut ajaran Islam."

Dengan ini bukan sahaja Islam akan dihormati, tegas Perdana Menteri, tetapi penindasan terhadap orang Islam yang menjadi minoriti di negara lain dapat dikurangkan.

Menyentuh pergolakan umat Islam sekarang, Datuk Seri Dr. Mahathir berkata, sebenarnya apa yang

dihadapi oleh umat Islam sekarang tidak begitu berat dan teruk seperti cabaran yang dihadapi oleh Nabi Muhammad s.a.w.

Katanya, umat Islam di zaman ini amat ramai dan sebahagian daripada mereka kaya-raya.

"Mereka memerintah wilayah-wilayah yang besar. Sudah sepatutnya mereka mencapai kejayaan, tetapi mereka tidak mencapai kejayaan.

"Sebaliknya mereka diusir dari satu wilayah ke satu wilayah, ditakluk oleh kuasa-kuasa asing, disiksa dan dibunuh."

Dituntut

Datuk Seri Dr. Mahathir berkata, peristiwa ini berlaku kerana kita tidak tabah hati, tidak sanggup menghadapi cabaran dan yang penting sekali tidak sanggup berusaha atau berikhtiar untuk menuju ke arah kejayaan.

Yang jelas, tambah beliau, kalau kita lemah, kita perlu kuatkan diri kita; jika kita kurang cekap, kita perlu berlatih untuk menguasai kecekapan dan jika kita kekurangan ilmu, maka kita mengejar ilmu walaupun ke negeri Cina.

Menurut beliau, ini semua jelas dan dituntut oleh Islam, tetapi kita masih asyik berfoya-foya, masih suka mencari alasan dan sebab kenapa kita tidak mungkin buat itu dan ini, masih hendak menyalahkan orang semata-mata.

"Selagi kita tidak sanggup bertindak secara positif, selama itulah kita akan dipermainkan orang dan ditindas," tegas Datuk Seri Dr. Mahathir.

Beliau menyeru umat Islam supaya awal Muharam dijadikan satu tarikh kita semua merenung dan mengkaji sejarah perjuangan Nabi Muhammad s.a.w. terutama penghijrahan dari Mekah ke Madinah.

No. 1

No. 1